

## Mahasiswa UMP Jayakan Kem Interaksi Pemimpin Muda



Bandar Tun Razak (Rompin), 8 Februari – Seramai 100 pemimpin pelajar dari Sekolah Kebangsaan (SK) Keratong 1 dekat sini telah berjaya mengharungi cabaran modul latihan Kem Interaksi Pemimpin Muda (IN-TEAM) kelolaan Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP) selama tiga baru-baru ini.

Seramai 28 mahasiswa UMP telah terlibat sebagai fasilitator dalam menjayakan pelaksanaan semua modul sepanjang kem ini yang disertai pengawas dan pengawas pusat sumber sekolah tersebut. Inisiatif yang turut didukung oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMP dan Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG) SK (FELDA) Keratong 1 merupakan siri kedua kolaborasi yang telah dirintis sejak tahun lalu.



Menurut Pengurus Projek yang juga mahasiswi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Siti Norhidayah Samsuri, 21, berbeza dengan pelaksanaan lazimnya di sekolah menengah dan pra-universiti, cabaran utama In-Team kali ini ialah untuk menyesuaikan kandungan modul latihan dengan tahap peserta yang berusia antara 10 hingga 12 tahun. "Dengan panduan yang diberikan oleh pihak sekolah, kami telah membuat beberapa modifikasi kepada modul latihan supaya penyampaiannya lebih berkesan untuk diserap oleh kelompok peserta berusia 12 tahun ke bawah", tambah beliau lagi.

Dengan menyeimbangkan pendekatan yang menekankan aspek ketegasan dengan pengisian yang santai, para peserta telah dilatih untuk memiliki jatidiri sebagai pemimpin muda yang menyayangi sekolah, keluarga dan negara melalui modul interaktif bersama fasilitator. Berbeza dengan program sebelum ini yang dilaksanakan sepenuhnya di sekolah, para fasilitator turut ditempatkan bersama keluarga peserta sebagai anak angkat bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengisian modul.



Sambil mengakui bahawa daya keyakinannya sebagai pengawas semakin meningkat selepas mengikuti In-Team, pelajar tahun 6, Wan Mohammad Faiz Wan Kamarzaman, 12 yang juga peserta terbaik lelaki turut menambah bahawa beliau kini merasa lebih bersemangat untuk menunaikan tanggungjawab membantu guru di sekolah. Bagi rakan beliau pula, Julia Aida Zulkipli, 12 yang diumumkan sebagai peserta perempuan terbaik, pendekatan modul In-Team yang menekankan aspek amali berbanding ceramah adalah amat berkesan dalam memperbaiki kemahiran komunikasi dalam kalangan peserta.

Hadir merasmikan penutupan In-Team ialah Ketua Penyelidik Kepada Naib Canselor UMP, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain. Beliau yang juga Penasihat Kelab In-Smartive turut menyempurnakan penyerahan watiwah pelantikan kepada para pengawas, pengawas pusat sumber, ketua kelas dan penolong ketua kelas SK (FELDA) Keratong 1. Turut hadir ialah Pengerusi PIBG, Teh Piah Hashim. Pemangku Guru Besar, Hajah Manis Yazit, Guru Penolong Kanan (Hal Ehwal Murid), Aizah Yusuf dan Presiden Kelab In-Smartive, Ahmad Zarif Ahmad Fauzi.

**Berita disediakan oleh Setiausaha Bahagian Penerangan Kelab In-Smartive, Mohamad Aizat Zaki**

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 13-02-2015, 09:59:17